

10 JUL 2001

FMM-BELANJAWAN

FMM CADANG PENGURANGAN CUKAI PERSENDIRIAN BAGI BELANJAWAN 2002

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Dalam memorandumnya bagi Belanjawan Negara 2002, Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) mengemukakan cadangan pengurangan cukai pendapatan persendirian serta cadangan-cadangan lain sebagai strategi ke arah menepati rancangan pertumbuhan ekonomi negara.

Sambil memuji tema Belanjawan Negara 2002: "Menggalakkan Pertumbuhan Dengan Memperkukuhkan Daya Tahan dan Mempertingkatkan Daya Saingan", FMM, yang mengumumkan memorandumnya di sini hari ini berkata bahawa usaha memperkukuhkan daya tahan dan mempertingkatkan daya saingan selanjutnya adalah amat penting bagi menghadapi cabaran-cabaran yang muncul ekoran ketidak pastian persekitaran global.

FMM berkata, selain daripada ketidak pastian dalam persekitaran global ini, cabaran-cabaran yang akan timbul termasuklah tekanan arus globalisasi dan liberalisasi yang berterusan, serta kemunculan teknologi.

Strategi-strategi yang dicadangkannya bagi menghadapi cabaran-cabaran ini termasuklah: merangsang penggunaan domestik bagi memastikan permintaan domestik yang berterusan; memperkukuhkan daya saingan eksport; dan mempertingkatkan daya tarikan Malaysia sebagai pusat pelaburan.

Katanya, sebarang ketidak tepatan masa atau kelemahan dalam strategi akan mengakibatkan Malaysia dipinggirkan dan kehilangan kedudukan yang kebanyakan orang berhempas pulas untuk mendapatkannya.

Satu daripada cadangan FMM untuk merangsang penggunaan tempatan ialah mengurangkan cukai pendapatan persendirian bagi meningkatkan pendapatan yang boleh dibelanjakan.

FMM berkata, ia ingin mencadangkan pengurangan kadar cukai pendapatan persendirian secara menyeluruh sebanyak dua peratus kepada 0-28 peratus daripada kadar 0-30 peratus pada masa ini dan ini diikuti oleh dua peratus lagi kepada 0-26 peratus dalam tahun 2003.

Sementara itu, bagi memperkukuhkan daya saingan eksport, salah satu daripada cadangannya ialah melaksanakan langkah-langkah bagi menambah bekalan pekerja mahir dengan menyemak galakan-galakan bagi latihan anjuran majikan.

"Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) patut digunakan secara lebih meluas untuk melatih pekerja dalam kemahiran-kemahiran yang ada permintaan," kata FMM.

Satu lagi cadangan bagi memperkukuhkan daya saingan eksport ialah memberi lebih banyak galakan bagi memperkenalkan jenama dan dalam hubungan ini, FMM mencadangkan agar diperkenalkan satu menu rebat cukai bagi pembangunan jenama yang terdiri daripada:

- * pengecualian cukai bagi pendapatan yang diisytiharkan selama 10 tahun
- * kredit cukai ke atas 20 peratus daripada perbelanjaan bagi memperkenalkan jenama
- * kredit cukai ke atas 20 peratus daripada perbelanjaan bagi R&D, sama ada di dalam atau di luar Malaysia
- * kredit cukai ke atas 20 peratus daripada perbelanjaan bagi latihan sumber manusia
- * kredit cukai ke atas 20 peratus daripada pelaburan untuk pengautomasian

Kata FMM, ia percaya Malaysia telah bersedia untuk melaksanakan perubahan-perubahan ini dan untuk menghadapi cabaran-cabaran akan datang, dan ia juga telah bersedia untuk mengambil bahagian dan menyumbang ke arah

ini. -- BERNAMA
NN SD KY OS